

SEJARAH

Sekolah Kebangsaan


Tahun 6

KSSR

SEJARAH

Tahun 6

Sekolah Kebangsaan



RM13.20

ISBN 978-983-49-0269-8

01320

9 789834 902698



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



DBP



KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH



SEJARAH TAHUN 6

SEKOLAH KEBANGSAAN

PENULIS

Sivarajan a/l Ponniah
Sharifah Afidah binti Syed Hamid
Ahmad Salehee bin Abdul

EDITOR

Zukari bin Ismail
Md Shukuri bin Hamzah

PEREKA BENTUK

Norhazlin binti Tohar
Ieza binti Abdul Gani

ILUSTRATOR

Mohd Nawiah bin Kassim
Rosnizam bin Saynan
Faridzul Narami bin Dzulkiflee



Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2019



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

No. Siri Buku: 0007

KK 372-I2II-00269-2103

ISBN 978-983-49-0269-8

Cetakan Pertama 2015

Cetakan Ketiga 2019

© Dewan Bahasa dan Pustaka 2015

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur, Malaysia. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Penerbit:

Dewan Bahasa dan Pustaka,

Jalan Dewan Bahasa,

50460 Kuala Lumpur.

Telefon: 03-21479000 (8 talian)

Faksimile: 03-21479643

Laman Web: <http://www.dbp.gov.my>

Reka Letak dan Atur Huruf:

Edusystem Sdn. Bhd.

Muka Taip Teks: kssr

Saiz Muka Taip Teks: 13 poin

Dicetak oleh:

Legasi Press Sdn. Bhd.,
No. 60 (Tingkat Bawah),
Jalan Metro Perdana Timur 11,
Kepong Entreprenuer Park,
52100 Kuala Lumpur.

PENGHARGAAN

Penerbitan buku teks ini melibatkan kerjasama banyak pihak. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua pihak yang berikut:

- Pakar Rujuk Kurikulum Sejarah dan Buku Teks Sejarah, Kementerian Pendidikan Malaysia:
 - Prof. Datin Paduka Datuk Dr. Ramlah binti Adam
 - Prof. Emeritus Dato' Dr. Nik Hassan Shuhaimi bin Nik Abdul Rahman
 - Prof. Dr. Ooi Keat Gin
 - Prof. Madya Dr. Sivachandralingam Sundara Raja
 - Prof. Madya Dr. Ismail bin Ali
- Jawatankuasa Penambahbaikan Pruf Muka Surat, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Pembetulan Pruf Muka Surat, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Penyemakan Naskhah Sedia Kamera, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Jawatankuasa Peningkatan Mutu, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Panel Pembaca Luar, Dewan Bahasa dan Pustaka
- Muzium Negara Malaysia, Kuala Lumpur
- Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur
- Muzium Muzik, Kuala Lumpur
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
- Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia
- Sekolah Kebangsaan Meru, Klang



KANDUNGAN

PENDAHULUAN.....iv

TAJUK 1: NEGARA MALAYSIA

- Unit 1 : LAHIRNYA SEBUAH CINTA1
- Unit 2 : BUMI DIPIJAK LANGIT
DIJUNJUNG19
- Unit 3 : RUKUN NEGARA47

TAJUK 2: KITA RAKYAT MALAYSIA

- Unit 4 : RAKYAT MALAYSIA65
- Unit 5 : AGAMA DAN KEPERCAYAAN
DI MALAYSIA99
- Unit 6 : PERAYAAN
DI MALAYSIA117



TAJUK 3: PENCAPAIAN DAN KEBANGGAAN NEGARA

- Unit 7 : MALAYSIA DI PERSADA
SUKAN145
- Unit 8 : KEGIATAN EKONOMI
NEGARA171
- Unit 9 : PEMIMPIN NEGARA YANG
KUSANJUNGI195
- Unit 10: MALAYSIA DAN DUNIA211

SENARAI RUJUKAN233



PENDAHULUAN

Buku teks *Sejarah Tahun 6 Sekolah Kebangsaan (SK)* ditulis berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang digubal oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memenuhi matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penulisan buku teks ini merupakan kesinambungan dari tahun 4 dan tahun 5 yang bertujuan untuk memberikan penekanan kepada penerapan nilai murni, semangat patriotik, elemen kewarganegaraan dan nilai sivik. Penekanan ini perlu bagi melahirkan murid yang berdaya saing dan mempunyai jati diri sebagai warganegara Malaysia yang sayang dan cinta akan negaranya.

Kandungan dalam buku teks ini disusun bagi mendidik murid untuk memahami dan menghargai sumbangan para pemimpin negara serta berbangga menjadi warganegara Malaysia. Pelbagai kaedah dan pendekatan telah digunakan dalam penulisan buku teks ini bagi menimbulkan minat murid supaya murid mudah memahami dan menghargai tanah air dan kegemilangannya. Kaedah Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan didik hibur yang digunakan membolehkan murid melahirkan pemikiran sejarah yang lebih kritis, kreatif dan inovatif. Selain itu, terdapat juga aktiviti yang meminta murid membuat kajian bagi mendapatkan maklumat. Kajian ini bertujuan untuk memberikan pengalaman dan kemahiran kepada murid.

Buku teks *Sejarah Tahun 6 SK* ini ditulis bertemakan “Kemakmuran Negara Kita” dan dibahagikan kepada tiga tajuk utama, iaitu:

Tajuk 1: Negara Malaysia

Tajuk ini membincangkan hal-hal pembentukan Malaysia dan tokoh yang terlibat. Tajuk ini juga mendedahkan perihal asal usul nama negeri yang ada di Malaysia dan lambang serta bendera negeri tersebut. Maklumat yang dilampirkan melalui tajuk ini bertujuan untuk melahirkan perasaan bangga dan menghargai negara dalam kalangan murid. Selain itu, murid juga diharapkan dapat menghayati Rukun Negara yang menjadi asas pembinaan jati diri dan alat perpaduan untuk melahirkan warganegara yang bertanggungjawab.

Tajuk 2: Kita Rakyat Malaysia

Tajuk ini memberikan penjelasan tentang masyarakat pelbagai kaum dan etnik di negara ini. Melalui tajuk ini, murid didedahkan dengan pelbagai budaya dan kesenian yang terdapat di negara kita. Murid juga didedahkan tentang perlunya bersikap toleransi, menghormati budaya dan kesenian pelbagai kaum bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang dapat menyumbang ke arah integrasi kaum.

Tajuk 3: Pencapaian dan Kebanggaan Negara

Tajuk ini menjelaskan pencapaian dan kebanggaan negara dalam pelbagai bidang yang meliputi perpaduan, keharmonian kaum, kemajuan ekonomi dan pemimpin

negara. Tajuk ini turut memberikan pendedahan kepada murid tentang peranan pemimpin negara dan cara menanamkan perasaan hormat dan menghargai jasa mereka. Murid juga akan didedahkan dengan penglibatan negara pada peringkat antarabangsa dan kepentingannya kepada rakyat di negara ini.

Ketiga-tiga tajuk yang dimuatkan dalam buku teks *Sejarah Tahun 6 SK* ini dibahagikan kepada 10 unit. Bagi memudahkan guru membuat persediaan dalam melaksanakan pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas serta mesra pembaca, setiap unit dibahagikan kepada enam bahagian, iaitu rangsangan, konsep, pengukuhan, pengayaan, pemulihan dan penilaian. Gelaran tokoh pula menggunakan gelaran terkini supaya murid mudah mencari maklumat. Pada akhir halaman buku teks, senarai rujukan yang digunakan dalam penulisan dipaparkan bagi memudahkan guru membuat rujukan.

Ikon yang berikut digunakan untuk penyusunan bahagian dan maklumat dalam buku teks.

 RANGSANGAN	Mencungkil pengetahuan sedia ada murid melalui set induksi yang disediakan.
 KONSEP	Memberikan pengetahuan awal kepada murid tentang topik yang dipelajari dalam unit tersebut.
 PENGUKUHAN	Mengukuhkan pemahaman murid tentang topik yang dipelajari dalam unit tersebut.
 PENGAYAAN	Memberikan input yang dapat menambahkan lagi pemahaman dan penguasaan murid tentang sesuatu tajuk.
 PEMULIHAN	Membantu murid yang lemah supaya dapat memahami sesuatu tajuk yang dipelajari.
 PENILAIAN	Menyediakan pelbagai bentuk latihan bagi mengukur kefahaman murid tentang maklumat yang dipelajari dalam unit tersebut.

Soalan Rangsangan	Memberikan cadangan latihan pemahaman bagi menguji tahap pemahaman murid bagi sesuatu tajuk.
Hands-on	Memberikan cadangan aktiviti yang boleh dilakukan oleh murid selepas mempelajari sesuatu unit. Aktiviti ini bertujuan untuk memudahkan murid memahami maklumat yang disampaikan dalam bahagian konsep, pengukuhan, pengayaan dan pemulihian. Aktiviti dalam bahagian ini boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan.
	Memberikan maklumat tambahan berkaitan dengan perkara yang dipelajari.
	Membantu guru melaksanakan proses pembelajaran dan pengajaran bagi setiap unit di samping memberikan penegasan untuk mencapai standard pembelajaran.
Standard Pembelajaran 	Menampilkan kriteria atau petunjuk kualiti pembelajaran dan pencapaian yang diperoleh murid dalam pembelajaran dan pengajaran sesuatu tajuk.
	Menyenaraikan rujukan yang digunakan dalam penulisan.

Penyediaan buku teks *Sejarah Tahun 6 SK* ini diharapkan dapat membantu dalam meningkatkan pengetahuan murid terhadap pencapaian dan kegemilangan negara melalui proses pembelajaran dan pengajaran yang menyeronokkan. Secara tidak langsung, murid dapat melengkapkan pengetahuan dan kemahiran serta mengamalkan nilai murni. Di samping itu, murid juga dapat menguatkan semangat jati diri sebagai warganegara Malaysia yang sayang dan cinta akan negaranya.

Sivarajan a/l Ponniah
 Sharifah Afidah binti Syed Hamid
 Ahmad Salehee bin Abdul



TAJUK 1

TAJUK 2

TAJUK 3

Negara Malaysia

UNIT


1

LAHIRNYA SEBUAH CINTA

RANGSANGAN



KAMI RAKYAT MALAYSIA



NOTA GURU

- Minta murid menceritakan perihal gambar di atas.





PEMBENTUKAN MALAYSIA

Gagasan pembentukan Malaysia telah dinyatakan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj semasa beliau berucap dalam satu majlis Persatuan Wartawan Luar Asia Tenggara di Singapura pada 27 Mei 1961. Terdapat beberapa sebab yang membawa kepada pembentukan Malaysia.

Sebab-sebab Pembentukan


Menjamin keselamatan negara

- Singapura dan Sarawak menghadapi ancaman komunis.
- Pihak komunis berusaha menjadikan Sarawak sebagai sebuah negara komunis bagi menyebarkan pengaruhnya di Asia Tenggara.
- Persekutuan Tanah Melayu telah mempunyai pengalaman dalam menghadapi ancaman komunis.

Memajukan sosioekonomi

- Meningkatkan permintaan pasaran barang tempatan.
- Dapat menarik pelabur luar.
- Memajukan taraf hidup rakyat.

- Apakah gagasan yang telah dinyatakan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 27 Mei 1961?
- Nyatakan kelebihan yang diperoleh apabila Malaysia dibentuk.
- Nyatakan faedah yang diperoleh negeri-negeri yang menyertai Malaysia.



Malaysia

Mencapai keseimbangan kaum

- Pembentukan Malaysia membentuk keseimbangan kaum.

Saya berasa sungguh bangga dengan pembentukan Malaysia. Pembentukan ini dapat membantu memajukan negara kita.

Dengan menggunakan pelbagai sumber, cari maklumat tentang pembentukan Malaysia. Hasilkan buku skrap dan pamerkan.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami sebab-sebab pembentukan Malaysia.
- Bimbing murid menzahirkan perasaan bangga terhadap pembentukan Malaysia.



LANGKAH-LANGKAH PEMBENTUKAN MALAYSIA

Pelbagai langkah telah diambil bagi memastikan pembentukan Malaysia mencapai kejayaan. Antara langkah yang diambil ialah permuafakatan, perundingan dan proses perundangan.

1 Mei 1961

- Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah menyatakan gagasan pembentukan Malaysia.
- Usaha-usaha untuk menyebarkan idea pembentukan Malaysia dipergiat.

2 Julai 1961

- Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM) telah ditubuhkan bagi memberikan penerangan tentang pembentukan Malaysia.
- Jawatankuasa ini telah mencapai persetujuan untuk menyokong pembentukan Malaysia.

3 Januari 1962

- Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan British telah bersetuju menuju sebuah suruhanjaya untuk menilai reaksi penduduk negeri-negeri yang terlibat.
- Ahli suruhanjaya tersebut terdiri daripada Lord Cobbold, Sir Anthony Abell, Sir David Watherston, Tan Sri Wong Pow Nee dan Tun Muhammad Ghazali bin Shafie.
- Suruhanjaya ini juga dikenali sebagai Suruhanjaya Cobbold.



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah menyatakan gagasan pembentukan Malaysia semasa berucap dalam majlis Persatuan Wartawan Luar Asia Tenggara di Singapura.



Ahli Suruhanjaya Cobbold (dari kiri Sir Anthony Abell, Tun Muhammad Ghazali bin Shafie, Lord Cobbold, Tan Sri Wong Pow Nee dan Sir David Watherston).

TAHUKAH ANDA

- Referendum bermaksud pemungutan suara rakyat berhubung dengan sesuatu dasar politik.
- Sebelum pembentukan Malaysia, Sabah dikenali sebagai Borneo Utara.

unit_01 NSK.indd 4

12/23/15 2:44 PM

4 September 1962

- Referendum diadakan di Singapura.
- Penduduk Singapura bersetuju untuk menyertai Malaysia.

5 Julai 1963

- Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan British telah menerima cadangan Laporan Suruhanjaya Cobbold.
- Hasilnya, persetujuan dicapai untuk menubuhkan Malaysia.
- Perjanjian Malaysia telah ditandatangani oleh wakil kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Borneo Utara dan Singapura.

6 Ogos 1963

- Pembentukan Malaysia mendapat tentangan daripada Indonesia dan Filipina. Oleh itu, Malaysia, Indonesia dan Filipina bersetuju mencari penyelesaian dengan bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
- Wakil PBB telah datang untuk meninjau pandangan penduduk Sarawak dan Borneo Utara terhadap pembentukan Malaysia.
- Tinjauan menunjukkan majoriti penduduk Sarawak dan Borneo Utara menerima idea pembentukan Malaysia.

7 September 1963

- Pada 16 September 1963, Malaysia telah diisyiharkan.



- Nyatakan sumbangan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ke arah pembentukan Malaysia.
- Pada pandangan anda, mengapakah pemimpin kita memilih kaedah rundingan ke arah pembentukan Malaysia?



Dengan menggunakan pelbagai sumber, cari maklumat tentang pemilihan nama Malaysia. Ceritakan.

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj semasa majlis menandatangani Perjanjian Malaysia di London.

NOTA GURU

10.I.2
10.I.4
K10.I.5
K10.I.7

- Bimbing murid memahami peristiwa pembentukan Malaysia.
- Bantu murid mencari maklumat tentang pemilihan nama Malaysia.





PENGISYIHTARAN MALAYSIA

Pembentukan Malaysia berjaya dilaksanakan setelah melalui pelbagai proses rundingan dan diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong. Jalur pada bendera Malaysia telah ditambah apabila Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak, Borneo Utara dan Singapura bergabung membentuk Malaysia. Perlembagaan Malaysia pula telah digubal berdasarkan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.



Dokumen Pemasyhuran Malaysia dalam bahasa Melayu bertulisan Jawi.

PEMASYHURAN MALAYSIA

Dengan nama Allah Yang Maha Murah lagi Maha Mengasihani, segala puji-pujian bagi Allah Tuhan seru sekalian alam dan selawat dan salam bagi junjungan kita Nabi Muhammad dan bagi sekalian keluarga serta sahabat-sahabatnya.

Bahwasanya oleh kerana suatu perjanjian yang diperbuat pada sembilan hari bulan Julai tahun seribu sembilan ratus enam puluh tiga antara Persekutuan Tanah Melayu, United Kingdom, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura maka telah dipersetujui bahwa hendaklah disekutukan Negeri Sabah, Negeri Sarawak dan Negeri Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu yang mengandungi Negeri Pahang, Negeri Terengganu, Negeri Kedah, Negeri Johor, Negeri Sembilan, Negeri Kelantan, Negeri Selangor, Negeri Perak, Negeri Perlis, Negeri Pulau Pinang dan Negeri Melaka dan bahawa persekutuan itu hendaklah dinamakan "MALAYSIA".

Dan bahwasanya oleh kerana pihak-pihak dalam perjanjian yang tersebut telah bersetuju bahawa mulai daripada penubuhan Malaysia maka Negeri Sabah, Negeri Sarawak dan Negeri Singapura hendaklah tamat daripada menjadi Jajahan faktulk Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen and Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen fiada lagi mempunyai kedaulatan dan kuasa dalam ketiga-tiga buah negeri itu:

Dan bahwasanya oleh kerana telah dimasyhurkan suatu perlembagaan bagi Malaysia yang akan menjadikan kanun yang muktamad di dalamnya:

Dan bahwasanya oleh kerana perlembagaan yang tersebut itu telah diadakan syarat bagi menjaga keselamatan hak-hak dan keutamaan-keutamaan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja serta hak-hak asasi dan kebebasan sekalian rakyat dan bagi menggalakkan keamanan dan kemesraan di dalam Malaysia sebagai kerajaan yang mempunyai Raja yang berperlembagaan dan yang berdasarkan demokrasi cara berparlimen:

Dan bahwasanya oleh kerana perlembagaan yang tersebut itu telah disahkan oleh suatu undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen Persekutuan Tanah Melayu dan Parlimen United Kingdom maka telah berjalanlah kuat kuasa perlembagaan itu pada enam belas hari bulan September tahun seribu sembilan ratus enam puluh tiga.

Maka dengan nama Allah Yang Maha Murah lagi Maha Mengasihani, saya TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ IBNI ALMARHUM SULTAN ABDUL HAMID HALIM SHAH, Perdana Menteri Malaysia dengan persetujuan dan perkenan ke bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Yang Terutama Yang di-Pertuan Negara Singapura, Yang Terutama Yang di-Pertua Negara Sabah dan Yang Terutama Gabenor Negeri Sarawak dengan ini MENGISYIHTAR DAN MEMASYHURKAN bagi pihak umat Malaysia bahawa mulai daripada Enam Belas hari bulan September tahun seribu sembilan ratus enam puluh tiga bersamaan dengan Dua Puluh Lapan hari bulan Rabulakhir tahun Hijrah seribu tiga ratus Iapan puluh tiga, Malaysia yang mengandungi Negeri Pahang, Negeri Terengganu, Negeri Kedah, Negeri Johor, Negeri Sembilan, Negeri Kelantan, Negeri Selangor, Negeri Perlis, Negeri Pulau Pinang, Negeri Melaka, Negeri Singapura, Negeri Sabah dan Negeri Sarawak dengan izin dan kehendak Allah Rabbul Alamin akan kekal menjadi sebuah negara demokrasi yang merdeka lagi berdaulat serta berdasarkan kebebasan dan keadilan dan sentiasa mempertahankan serta memelihara keamanan dan kemesraan umatnya dan mengekalkan keamanan di antara segala bangsa di dunia ini.

Transkripsi Pemasyhuran Malaysia dalam tulisan Rumi


- Bilakah Pemasyhuran Malaysia?
- Mengapakah jalur pada bendera Malaysia ditambah?



Pemasyhuran Malaysia pada 16 September 1963 telah diadakan serentak di Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching.



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengisytiharkan Pemasyhuran Malaysia di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.



Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein, Timbalan Perdana Menteri, mengisytiharkan Pemasyhuran Malaysia di Kota Kinabalu, Sabah.



Tan Sri Dato' Mohd Khir bin Johari, Menteri Pertanian dan Koperasi, mengisytiharkan Pemasyhuran Malaysia di Padang Central, Kuching, Sarawak.



Senaraikan aktiviti yang diadakan pada peringkat sekolah bersempena dengan sambutan Hari Malaysia.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami peristiwa Pemasyhuran Malaysia.

10.1.3
K10.1.5
K10.1.6






NEGERI-NEGERI YANG MEMBENTUK MALAYSIA

Pembentukan Malaysia telah diisytiharkan oleh Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada tahun 1963. Negeri-negeri yang bergabung dan membentuk Malaysia ditunjukkan dalam peta di bawah.



... maka telah dipersetujui bahawa hendaklah disekutukan Negeri Sabah, Negeri Sarawak dan Negeri Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu yang mengandungi Negeri Pahang, Negeri Terengganu, Negeri Kedah, Negeri Johor, Negeri Sembilan, Negeri Kelantan, Negeri Selangor, Negeri Perak, Negeri Perlis, Negeri Pulau Pinang dan Negeri Melaka dan bahawa persekutuan itu hendaklah dinamakan «Malaysia».

Sumber: Pemasyhuran Malaysia, Arkib Negara Malaysia





- Pada tahun 1965, Singapura tidak lagi menjadi anggota Malaysia.

- Senaraikan negeri yang bersetuju untuk menyertai Malaysia.
- Nyatakan iktibar yang diperoleh daripada pembentukan Malaysia.

Surih peta Malaysia. Warnakan dan labelkan negeri-negeri pada peta tersebut.

NOTA GURU

- Bimbang murid mengetahui negeri-negeri yang terlibat dalam pembentukan Malaysia.
- Minta murid menyurih, mewarna dan melabelkan peta Malaysia.

10.I.3
K10.I.5
K10.I.6





TERIMA KASIH PEMIMPIN

Pemimpin tempatan telah memberikan sumbangan yang bermakna dalam pembentukan Malaysia. Sebagai rakyat, kita harus berasa bangga dengan kebijaksanaan dan permuafakatan yang terjalin antara mereka.

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah menyatakan gagasan pembentukan Malaysia. Beliau telah melawat Sarawak dan Borneo Utara untuk menerangkan matlamat pembentukan Malaysia. Beliau juga telah mengetui Persekutuan Tanah Melayu dalam upacara menandatangani Perjanjian Malaysia di London.



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj



Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein merupakan Timbalan Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu. Antara tugas beliau adalah untuk menerangkan tujuan pembentukan Malaysia. Beliau juga terlibat dalam membincangkan hak dan kepentingan penduduk di Sarawak dan Borneo Utara.

Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein

Lee Kuan Yew merupakan pemimpin utama Singapura yang menyokong pembentukan Malaysia untuk menghalang ancaman komunis di Singapura.



Lee Kuan Yew




Tun Muhammad Ghazali bin Shafie ialah pegawai kanan kerjaan yang menjadi anggota dalam Suruhanjaya Cobbold. Sebagai Ketua Setiausaha Tetap Kementerian Luar, beliau telah diberi tugas untuk merealisasikan pembentukan Malaysia.

Tun Muhammad Ghazali bin Shafie

Tun Datu Mustapha bin Datu Harun yang mengasaskan *United Sabah National Organisation* (USNO) telah menyokong pembentukan Malaysia. Beliau juga menjadi ahli Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia (JPPM). Beliau merupakan Yang di-Pertua Negeri Sabah yang pertama.



Tun Datu Mustapha bin Datu Harun





Tun Muhammad Fuad Stephens merupakan pengasas *United National Kadazan Organization* (UNKO) telah menyokong pembentukan Malaysia. Beliau juga dilantik menjadi Pengerusi JPPM. Setelah pembentukan Malaysia, beliau telah dilantik menjadi Ketua Menteri Sabah yang pertama.

Tun Muhammad Fuad Stephens

Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan yang menubuhkan *Sarawak National Party* (SNAP) telah menyokong pembentukan Malaysia. Beliau juga merupakan ahli JPPM. Selepas pembentukan Malaysia, beliau telah dilantik sebagai Ketua Menteri Sarawak yang pertama.



Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan



Tun Temenggong Jugah anak Barieng merupakan pemimpin Parti Pesaka Anak Sarawak (PESAKA). Antara tanggungjawab beliau adalah bagi mendapatkan sokongan penduduk bumiputera untuk menyokong Sarawak menyertai pembentukan Malaysia. Beliau telah dilantik menjadi Menteri Persekutuan dan Menteri Hal Ehwal Sarawak selepas pembentukan Malaysia.

Tun Temenggong Jugah anak Barieng

Tan Sri Datuk Amar Ong Kee Hui memainkan peranan penting dalam penubuhan *Sarawak United Peoples' Party* (SUPP). Pada awalnya, parti beliau menolak idea pembentukan Malaysia. Namun, demi kepentingan masa depan Sarawak, SUPP menyokong penubuhan pembentukan Malaysia.



Tan Sri Datuk Amar Ong Kee Hui



- Nyatakan tokoh-tokoh yang terlibat dalam menjayakan pembentukan Malaysia.
- Mengapakah kita perlu menghargai perjuangan mereka?



Namakan tokoh-tokoh lain yang terlibat dalam pembentukan Malaysia.

NOTA GURU

- Bimbing murid mengenal tokoh-tokoh yang terlibat dalam pembentukan Malaysia.
- Bantu murid menamakan tokoh-tokoh lain.



10.I.2
K10.I.5
K10.I.7



MUAFAKAT MEMBAWA BERKAT

Keinginan untuk membentuk Malaysia dapat dilihat melalui usaha yang bersungguh-sungguh dalam kalangan pemimpin tempatan. Peristiwa pembentukan Malaysia ini banyak memberikan pengajaran kepada pemimpin tentang kepentingan muafakat dan kerjasama bagi mewujudkan sebuah negara yang harmoni. Kita berasa bangga melihat usaha gigih para pemimpin dalam memastikan kejayaan pembentukan Malaysia.

PERMUAFAKATAN ANTARA PEMIMPIN NEGARA

- Pembentukan beberapa jawatankuasa menunjukkan permuafakatan antara pemimpin.



Pemerhati dari Persekutuan Tanah Melayu semasa wakil PBB membuat tinjauan pendapat tentang pembentukan Malaysia.



Permuafakatan antara ahli JPPM.



Mesyuarat JPPM di Kuala Lumpur.

- Pada pandangan anda, apakah kelebihan kepada rakyat dengan pengamalan sistem demokrasi?



MENGAMALKAN SISTEM DEMOKRASI

- Referendum telah diadakan di Singapura dalam proses pembentukan Malaysia.
- Rakyat telah diberi peluang membuat keputusan untuk menyertai pembentukan Malaysia.



BIJAK MERANCANG STRATEGI

- Pembentukan Malaysia telah dapat menyekat pengaruh komunis. Suasana aman damai menjamin kesejahteraan rakyat.



MEMBENTUK PERPADUAN KAUM

- Pelbagai kaum dan etnik telah dapat disatukan dalam pembentukan Malaysia.
- Keunikan ini dikenalpasti sehingga hari ini dan permuafakatan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum terus terpelihara.



Secara berpasangan, hasilkan sebuah kolaj bertemakan muafakat. Pamerkannya semasa Minggu Sejarah.

NOTA GURU

10.I.1
K10.I.5
K10.I.6
K10.I.7

- Minta murid bekerjasama menghasilkan sebuah kolaj bertemakan muafakat. Pamerkannya semasa Minggu Sejarah.





SAMBUTAN HARI MALAYSIA

Hari Malaysia disambut pada 16 September setiap tahun untuk memperingati penubuhan Malaysia. Sempena Hari Malaysia, pelbagai acara diadakan sebagai tanda kesepakatan dan sayang akan negara. Selain itu, Hari Malaysia juga merupakan hari cuti umum di Malaysia mulai tahun 2010. Hasil daripada permuafakatan itu, maka pada hari ini, kita dapat menyambut Hari Malaysia dengan bangga.



Sambutan Hari Malaysia

SELAMAT **MENYAMBUT**
HARI MALAYSIA
16 SEPTEMBER




Pemimpin Persekutuan dan negeri bersama-sama dengan masyarakat berbilang kaum mengibarkan Jalur Gemilang untuk meraikan sambutan Hari Malaysia.



- Nyatakan acara yang diadakan untuk menyambut Hari Malaysia.
- Pada pandangan anda, apakah kesan kepada masyarakat dengan mengadakan sambutan Hari Malaysia?





Secara berkumpulan, lakonkan satu pantomim sempena sambutan Hari Malaysia.

NOTA GURU

- Minta murid menceritakan sambutan Hari Malaysia.
- Bimbang murid melakonkan pantomim bertemakan Hari Malaysia.

I0.I.3
I0.I.4
K10.I.5
K10.I.6
K10.I.7





KUIZ PEMBENTUKAN MALAYSIA



1. Permainan boleh dijalankan secara berkumpulan atau secara individu.
2. Pemain akan ditutup matanya dan diminta menyentuh peta Malaysia yang disediakan oleh guru.
3. Pemain akan mengambil kad soalan berdasarkan warna yang disenjut pada peta tersebut.
4. Pemain hendaklah menjawab soalan yang ada di dalam sampul dengan betul. Jika jawapannya salah, soalan boleh dibuka kepada kumpulan atau individu lain.



1. Apakah faktor pembentukan Malaysia?
 A Menjamin keselamatan negara
 B Mengamalkan sistem demokrasi
 C Rakyat senang bergerak antara negeri
2. Apakah negeri yang tidak terlibat dalam pembentukan Malaysia?
 A Filipina B Singapura C Pahang
3. Siapakah pemimpin dari Persekutuan Tanah Melayu yang terlibat dalam pembentukan Malaysia?
 A Tun Temenggong Jugah
 B Lee Kuan Yew
 C Tun Abdul Razak

4. Bilakah Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengisyiharkan pembentukan Malaysia?

- A 15 September 1963
 B 16 September 1963
 C 17 September 1963

5. Di manakah referendum telah dijalankan pada tahun 1962?

- A Borneo B Sarawak C Singapura Utara

6. Tujuan penubuhan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia adalah untuk


- A mengadakan referendum
 B memberikan penerangan kepada pemimpin
 C meninjau pendapat penduduk

7. Mengapa sambutan Hari Malaysia penting untuk negara?

- A Mengukuhkan perpaduan
 B Memantapkan ekonomi
 C Menjamin keselamatan

NOTA GURU

- Bantu murid menjawab soalan.





FIKIR DAN JAWAB



A. Pilih enam peristiwa yang tepat berkaitan dengan pembentukan Malaysia. Susun dan nomborkan maklumat tersebut secara kronologi.

Wakil PBB telah datang untuk meninjau pendapat masyarakat tempatan tentang pembentukan Malaysia.



Penubuhan Suruhanjaya Reid.



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengisyiharkan pembentukan Malaysia.



Penubuhan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia.



Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah menyatakan gagasan pembentukan Malaysia.



Penubuhan Jawatankuasa antara Kerajaan.



Penubuhan Suruhanjaya Cobbold.



Pengisytiharan tarikh kemerdekaan di Melaka.



Rombongan Kemerdekaan ke London.



Yang di-Pertuan Agong telah memperkenankan pembentukan Malaysia.



NOTA GURU

- Bimbing murid menjawab soalan.
- Aktiviti boleh dijalankan secara berkumpulan atau individu.





FIKIR DAN JAWAB

B. Tulis nama tokoh yang terlibat dalam pembentukan Malaysia.

- Menerangkan tujuan pembentukan Malaysia.
- Membincangkan hak dan kepentingan penduduk di Sarawak dan Borneo Utara.

- Pemimpin utama Singapura.
- Menyokong pembentukan Malaysia untuk menghalang ancaman komunis di Singapura.

- Ketua Menteri Sarawak yang pertama.
- Menubuhkan SNAP dan menyokong pembentukan Malaysia.

- Yang di-Pertua Negeri Sabah yang pertama.
- Mengasaskan USNO yang menyokong pembentukan Malaysia.

- Pemimpin PESAKA.
- Bertanggungjawab untuk mendapatkan sokongan bumiputera.

- Pemimpin UNKO.
- Menyokong pembentukan Malaysia.

NOTA GURU

- Bantu murid menjawab soalan.
- Minta murid menulis nama tokoh yang dimaksudkan.
- Bimbing murid merumuskan faedah pembentukan Malaysia.





TAJUK 1

TAJUK 2

TAJUK 3

Negara Malaysia

RANGSANGAN



BUMI DIPIJAK LANGIT DIJUNJUNG



NOTA GURU


- Bimbing murid meneliti negeri-negeri yang terdapat dalam peta Malaysia di atas.






ASAL USUL NEGERIKU

Setiap negeri di Malaysia mendapat nama melalui pelbagai cara dan sumber. Antaranya termasuklah sejarah lisan dan sumber bertulis.



Nama Perlis berasal daripada nama seorang tokoh, iaitu Tok Perlis. Perlis juga dikatakan berasal daripada perkataan Siam, *phrau loi* yang bermaksud kelapa hanyut.

Nama Kedah berasal daripada perkataan *kheddah* yang bermaksud perangkap gajah. Ada juga yang menyatakan nama Kedah berasal daripada perkataan Arab, iaitu *kedah* yang bermaksud gelas berkaki. Orang India memanggil Kedah dengan nama *Kadaram*.




Nama Pulau Pinang diambil sempena nama pokok pinang yang banyak tumbuh di pulau tersebut pada suatu masa dahulu.





Nama Perak dikaitkan dengan sejenis logam, iaitu perak. Nama Perak juga diambil daripada nama Sungai Perak yang mempunyai ikan berwarna putih seperti perak.



Nama Selangor dikaitkan dengan nama Sungai Selangor yang terletak di Kuala Selangor.



Nama Negeri Sembilan diambil sempena sembilan negeri kecil yang disatukan di bawah satu pemerintahan berpusat di Seri Menanti.



- Nama sembilan negeri kecil di Negeri Sembilan ialah Jelebu, Johol, Inas, Tampin, Ulu Muar, Sungai Ujong, Jempol, Rembau dan Gunung Pasir.






Menurut *Sejarah Melayu*, nama Melaka diambil sempena nama pokok melaka. Parameswara telah bersandar di pokok itu dan bertanya kepada pengikutnya nama pokok tersebut. Pengikutnya mengatakan pokok itu ialah pokok melaka. Parameswara terus menamakan tempat itu sebagai Melaka.



Nama Johor berasal daripada perkataan Arab, iaitu *jauhar* yang bermaksud permata berharga. Nama Johor juga disebut dalam *Sejarah Melayu* sebagai Ujung Tanah.



Menurut Sultan Terengganu kesembilan, iaitu Sultan Omar Riayat Shah, nama Terengganu berasal daripada sebutan taring anu. Anu dikatakan merujuk kepada harimau.



Nama Pahang berasal daripada sebatang pokok mahang yang rebah merentangi Sungai Pahang.




- Pengiran Muda Hashim ialah wakil kerajaan Brunei yang mentadbir Sarawak. Beliau telah menyerahkan Sarawak kepada James Brooke.





Sumber China menyatakan nama Kelantan ialah *Ho-lan-tan* atau *Kou-lo-tan*. Ada juga menyebutnya sebagai *Kolamtanah* yang akhirnya menjadi Kelantan.



Nama Sarawak berasal daripada nama Sungai Sarawak. Menurut cerita lisan, Sarawak mendapat nama daripada ungkapan “serah kepada awak” yang diucapkan oleh Pengiran Muda Hashim kepada James Brooke.



Nama Sabah berasal daripada nama sejenis pisang yang dipanggil pisang saba atau pisang jaba oleh orang Bajau.



- Nyatakan asal usul nama bagi setiap negeri yang terdapat di Malaysia.
- Mengapa kita perlu mengetahui asal usul nama setiap negeri?

Lakukan kajian untuk mendapatkan asal usul nama tempat tinggal anda. Ceritakan.

NOTAGURU

- Bimbing murid memahami asal usul nama setiap negeri.
- Bantu murid mencari versi lain asal usul nama setiap negeri.
- Minta murid melakukan kajian untuk mendapatkan asal usul nama tempat tinggal mereka.

10.2.1
K10.2.8





MEGAHNYA NEGERI-NEGERIKU

Malaysia terdiri daripada 13 buah negeri dan sebuah Wilayah Persekutuan. Setiap negeri mempunyai pemerintah, ibu negeri dan lambang negeri. Kebanyakan negeri mempunyai bandar diraja. Kita perlu menghormati semua lambang kemegahan tersebut bagi menunjukkan ketaatan kita kepada negara.



Negeri: Perlis
Ibu Negeri: Kangar
Bandar Diraja: Arau
Ketua Negeri: Raja



Negeri: Kedah
Ibu Negeri: Alor Setar
Bandar Diraja: Anak Bukit
Ketua Negeri: Sultan



Negeri: Pulau Pinang
Ibu Negeri: George Town
Ketua Negeri: Yang di-Pertua Negeri



Negeri: Perak
Ibu Negeri: Ipoh
Bandar Diraja: Kuala Kangsar
Ketua Negeri: Sultan




Negeri: Negeri Sembilan
Ibu Negeri: Seremban
Bandar Diraja: Seri Menanti
Ketua Negeri: Yang di-Pertuan Besar



Negeri: Selangor
Ibu Negeri: Shah Alam
Bandar Diraja: Klang
Ketua Negeri: Sultan



- Senaraikan bandar diraja.
- Nyatakan gelaran ketua negeri bagi negeri-negeri di Malaysia.





Negeri: Kelantan
Ibu Negeri: Kota Bharu
Ketua Negeri: Sultan



Negeri: Johor
Ibu Negeri: Johor Bahru
Bandar Diraja: Bandar Maharani
Ketua Negeri: Sultan



Negeri: Pahang
Ibu Negeri: Kuantan
Bandar Diraja: Pekan
Ketua Negeri: Sultan



Negeri: Terengganu
Ibu Negeri: Kuala Terengganu
Ketua Negeri: Sultan



Negeri: Melaka
Ibu Negeri: Bandar Melaka
Ketua Negeri: Yang di-Pertua Negeri



Negeri: Sabah
Ibu Negeri: Kota Kinabalu
Ketua Negeri: Yang di-Pertua Negeri



Negeri: Sarawak
Ibu Negeri: Kuching
Ketua Negeri: Yang di-Pertua Negeri



Lukis peta Malaysia. Labelkan ibu negeri dan bandar diraja.



- Wilayah Persekutuan diperintah oleh Yang di-Pertuan Agong.

NOTA GURU

- Bantu murid mengenali ibu negeri, gelaran ketua negeri dan bandar diraja.

10.2.2
10.2.4
K10.2.6
K10.2.7
K10.2.8





LAMBANG KEMEGAHAN NEGERI

Setiap negeri mempunyai bendera, jata dan lagu negeri yang menunjukkan identiti tersendiri. Sebagai rakyat Malaysia, kita perlu berasa bangga akan lambang negeri dan sayang akan negeri masing-masing.

NEGERI/
WILAYAH PERSEKUTUAN

BENDERA

JATA

LAGU NEGERI

PERLIS



*Amin Amin
Ya Rabbaljalil*

KEDAH




*Allah Selamatkan
Sultan Mahkota*

PULAU
PINANG



Untuk Negeri Kita

PERAK



*Allah Lanjutkan
Usia Sultan*

SELANGOR



*Duli Yang
Maha Mulia*

NEGERI
SEMBILAN



*Berkatlah Yang
di-Pertuan Besar*

MELAKA



Melaka Maju Jaya




JOHOR

Lagu Bangsa Johor

PAHANG

*Allah Selamatkan
Sultan Kami*

TERENGGANU


Selamat Sultan

KELANTAN

Selamat Sultan

SARAWAK

Ibu Pertiwiku

SABAH

Sabah Tanah Airku

**WILAYAH
PERSEKUTUAN**

Maju dan Sejahtera



- Mengapakah lambang negeri sangat penting bagi rakyat? Bincangkan.



Pilih satu lagu negeri selain negeri anda. Secara berkumpulan, nyanyikan lagu tersebut.

NOTA GURU

- Bimbing murid memahami lambang negeri dan Wilayah Persekutuan.
- Bantu murid mendapatkan maklumat tentang makna lambang bendera negeri dan Wilayah Persekutuan.



10.2.3
K10.2.6
K10.2.8

